



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 79/2024

PROGRAM RAKAN MUDA JOM TEROKA INDUSTRI GETAH

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** telah hadir ke program **Rakan Muda Jom Teroka Industri Getah** bertempat di **Akademi Hevea, Lembaga Getah Malaysia** pada hari ini.
2. Majlis juga turut dihadiri **YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** dan **Encik Syamsul Tahrin bin Mohd Tahir, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)**.
3. **Program** ini diadakan bertujuan untuk memberikan pengalaman '*first hand*' kepada golongan belia tentang ekosistem industri getah Malaysia. Ini merupakan **inisiatif yang baik** bagi **membuka minda dan minat para belia** mendapatkan latihan kemahiran secara '*industry oriented*' dalam bidang industri getah.
4. Selaku kementerian yang terlibat secara langsung dengan golongan belia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terpanggil untuk **memberi kesedaran dan pendidikan** tentang pentingnya **penglibatan belia dalam industri pertanian selain industri sukan serta industri-industri lainnya**. KBS berharap agar golongan belia di negara ini dapat memainkan peranan masing-masing dengan seimbang dalam membangunkan negara Malaysia selaras dengan hasrat Malaysia Madani.

5. Seramai 56 orang peserta terlibat dalam program hari ini yang terdiri daripada belia dari pelbagai latar belakang berumur 13 sehingga 30 tahun.
6. Sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut berhubung program ini, sila hubungi **JBSN** di talian **03-8871 3323** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

16 NOVEMBER 2024